



Ahmad Razif (kanan) bersalaman dengan jemaah haji pada Majlis Kursus Perdana Haji Peringkat Negeri Terengganu di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negeri Terengganu, semalam. (FOTO TENGGU SYAMIM TENGGU ISMAIL/BH)

BH 10/8/14 MS3

Kuota jemaah haji dikurangkan lagi

» Pengurangan 20 peratus ditetapkan Kerajaan Saudi

Oleh Nazirah Ripin
bminggu@bh.com.my

► Kuala Terengganu

Tabung Haji (TH) terpaksa mengurangkan penghantaran bakal jemaah haji Malaysia tahun ini sebanyak 20 peratus lagi kepada 22,320 orang, berbanding tahun lalu seramai 28,000 orang.

Pengurus Besar Kanan Jabatan Haji, Datuk Syed Saleh Syed Abd Rahman, berkata pe-

ngurangan kuota itu ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi.

Katanya, kuota jemaah haji dari Malaysia terpaksa dikurangkan berikutan pihak berkuasa haji negara itu sedang menjalankan proses penambahbaikan kemudahan infrastruktur haji di Makkah.

“Kita difahamkan proses penambahbaikan itu dijangka siap sepenuhnya akhir tahun ini atau selewat-lewatnya tahun depan,” katanya kepada pemberita selepas Kursus Perdana Haji Peringkat Negeri Terengganu yang dirasmikan oleh Menteri Besar, Datuk Ahmad Razif Abd Rahman di Stadium Tertutup Kompleks Sukan, Gong Badak, dekat sini, semalam.

Ditanya mengenai wabak Ebola, beliau berkata, setakat

ini, TH tidak mengenakan peraturan khusus atau sekatan kepada bakal haji dari negara ini.

Jemaah diminta jaga kesihatan

Bagaimanapun, katanya, bagi mengelakkan sebarang kemungkinan jangkitan atau di-

“**Kita difahamkan penambahbaikan itu dijangka siap akhir tahun ini atau selewat-lewatnya tahun depan”**

Syed Saleh Syed Abd Rahman,
Pengurus Besar Kanan
Jabatan Haji

serang penyakit lain seperti selesema atau sebagainya, bakal jemaah dinasihatkan sentiasa menjaga kesihatan sebelum berlepas ke Tanah Suci dan sehingga selesai menunaikan ibadat haji.

Sementara itu, Ahmad Razif berkata, 1,244 bakal jemaah haji di negeri ini, termasuk 35 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) negeri yang mendapat tajaan kerajaan negeri akan berangkat ke Tanah Suci bermula 27 Ogos sehingga 27 September ini.

Katanya, senarai akhir bakal jemaah dari negeri ini yang dikeluarkan TH mungkin mengalami perubahan jika ada bakal jemaah yang menolak kerana masalah tertentu.

“Kerajaan negeri memohon 287 tempat untuk menghantar penerima APC negeri dan pemimpin masyarakat ke Tanah Suci tahun ini, namun TH hanya dapat menyediakan 35 tempat saja tahun ini,” katanya.

Beliau berkata, empat penerbangan terus membawa bakal jemaah negeri ini ke Tanah Suci dari Lapangan Terbang Sultan Mahmud (LTSM), manakala satu lagi penerbangan dari LTSM-Kelana Jaya-Jeddah.